

12 DEC 1998

Mahathir-Pameran/I

DR MAHATHIR MAHU PEMAJU PERUMAHAN ADAKAN PAMERAN

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan pemaaju-pemaaju perumahan, bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang terlibat di dalam "Kempen Pemilikan Rumah" selama sebulan mulai hari ini, supaya mengadakan pameran di seluruh negara mengenai harta-harta yang akan dijual mereka.

Beliau berkata pameran semumpama itu membolehkan bakal pembeli melihat sendiri model-model rumah, kedai-kedai dan kilang-kilang, membuat pertanyaan serta-merta dan memperolehi semua maklumat berkaitan harta-harta berkenaan di satu lokasi pusat.

"Bagi mereka yang berminat, pengangkutan patut diadakan untuk membawa mereka melawat tapak projek itu," kata Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama, semasa melancarkan kempen itu, di sini, hari ini.

Menurutnya bank-bank dan institusi kewangan patut mendirikan gerai masing-masing pada pameran serta menggalakkan kehadiran peguam-peguam untuk membolehkan bakal pembeli membuat keputusan mengenai rumah yang mereka mahu beli.

Kempen itu anjuran kerajaan bersama-sama dengan Bank Negara Malaysia, Persatuan Pemaaju Perumahan Malaysia (HDAM), Persatuan Bank-bank di Malaysia dan Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan di Malaysia.

Kempen itu, yang disertai lebih 260 pemaaju harta, bertujuan menyelamatkan pasaran hartanah yang muram.

Pemaaju-pemaaju harta berkata bahawa lambakan sekarang di dalam pasaran harta ialah sebanyak RM80 bilion.

Semasa kempen itu, pembeli-pembeli rumah akan diberikan galakan seperti pinjaman perumahan sehingga 95 peratus, pembeli-pembeli Bumiputera mendapat tambahan potongan lima peratus di samping potongan 10 peratus yang diberikan kepada bukan Bumiputera.

"Idea pesta dan pameran itu adalah untuk mempercepatkan semuanya malahan keputusan untuk membeli juga boleh dibuat serta-merta," kata beliau.

Dr Mahathir berharap para pemaaju yang menyertai kempen itu akan mempamerkan dan menonjolkan keluaran mereka di seluruh negara supaya rakyat boleh membeli serta mempunyai pilihan yang luas ke atas harta yang mereka mahu beli.

Beliau juga berharap pemaaju-pemaaju harta bekerjasama di dalam kempen itu dan turut melakukan pengorbanan seperti yang dilakukan oleh kerajaan.

Sementara itu, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed memberitahu persidangan akhbar kemudian bahawa pegawai-pegawai Kementerian Kewangan akan ditempatkan di pesta itu bagi memberikan maklumat dan meluluskan pengeluaran wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pembelian hartanah berkenaan.

Presiden HDAM Datuk Eddy Chen pula berkata HDAM akan menganjurkan satu pameran dan pesta hartanah di tiga tempat -- Lembah Klang, Johor Baharu bagi kawasan selatan dan Pulau Pinang bagi kawasan utara.

Beliau berkata sepatutnya satu pameran diadakan hari ini, tetapi HDAM tidak mendapat dewan pameran bagi tempoh tujuh hingga 10 hari.

Bagaimanapun, katanya HDAM di peringkat negeri seperti Sabah dan Johor bersedia mengadakan pameran hartanah.

"Kami akan menganjurkan dan mendapatkan tempat yang baik untuk mengadakan pameran seumpamanya meliputi tujuh hingga 10 hari," katanya.

Pengerusi Persatuan Bank-bank di Malaysia, Datuk Amirsham A. Aziz, yang

juga pengerusi jawatankuasa penganjur bagi kempen itu, sebaliknya memberi jaminan bahawa: "Anda boleh melihat pameran (hartanah ini) dalam masa 30 hari."

-- BERNAMA

HS MR OS NAK